

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]  
**TARIKH** : 4 November 2014 (Selasa)  
**SOALAN** : Tuan Sim Tong Him minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

- a) Peratusan keperluan harian hasil tangkapan laut yang masih perlu diimport; dan
- b) Anggaran kos perlu ditanggung dan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan tanggungan ini.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada tahun 2013 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah merekodkan pendaratan ikan makan sebanyak 1.749 juta tan metrik. Daripada jumlah tersebut, 1.482 juta tan metrik (84.7%) adalah merupakan sumbangan pendaratan ikan marin. Merujuk kepada Perangkaan Tahunan Perikanan 2013, pendaratan ikan marin adalah meningkat 0.72% berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 1.472 juta tan metrik.

Data daripada sistem e-pengisytiharan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah merekodkan penggunaan ikan makan untuk

seorang rakyat Malaysia adalah 50 kg setahun. Manakala data yang diperolehi melalui kajian '*Fish Supply And Demand Study*' di Malaysia bagi 8 tahun kebelakangan (2004 hingga 2011) telah menunjukkan penggunaan ikan per kapita untuk 28 juta rakyat Malaysia adalah 56 kg per orang setahun. Data ini mendapati bahawa tidak akan ada pertambahan permintaan ikan per kapita sehingga tahun 2020.

Sehubungan dengan itu, keperluan import sebenar negara adalah sebanyak 35% daripada jumlah permintaan ikan dalam negara. Sedangkan pada masa kini hanya 23% yang diimport bagi mencukupkan bekalan makanan per kapita 28 juta rakyat Malaysia. Kos import tersebut adalah ditanggung oleh pengimport yang berkenaan tanpa melibatkan sebarang kos kerajaan.

Sungguhpun begitu, terdapat juga keperluan untuk mengimport ikan-ikan bernilai tinggi seperti salmon dan tuna kerana terdapat permintaan terhadap ikan-ikan tersebut terutamanya dari restoran dan hotel. Pada tahun 2012, Perangkaan tahunan Eksport/Import menunjukkan sejumlah 7,798 tan metrik ikan bernilai tinggi telah diimport dengan nilai RM134 juta.

Pelbagai usaha telah diambil oleh Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan LKIM bagi mengurangkan aktiviti pengimportan ikan makan ini. Bagi menyokong usaha ini, Kementerian ini komited dalam meningkatkan lagi pelaksanaan program pemuliharaan dan memperkaya sumber perikanan marin di perairan kelautan negara. Antaranya adalah melalui program-program seperti berikut:

- (i) '*Exit Plan*' bagi vesel-vesel pukat tunda Zon B;
- (ii) Penggunaan peralatan menangkap ikan yang mesra sumber;

- (iii) *Ecosystem Approach To The Fisheries Management*;
- (iv) *Marine Protected Areas*;
- (v) kawalan aktiviti perikanan rekreasi;
- (vi) menguatkuasa pemasangan alat *Mobile Transceiver Unit* dan Laporan Operasi Vesel ke atas vesel menangkap ikan laut dalam;
- (vii) kawalan pendaftaran vesel dan peralatan menangkap ikan melalui aplikasi sistem e-Lesen; dan
- (viii) pembinaan tukun tiruan.

Selain itu, Kementerian melalui LKIM juga mengambil langkah dengan mengadakan larangan eksport ikan-ikan terpilih bagi dua musim setiap tahun untuk memastikan keperluan ikan makan negara adalah mencukupi dan langkah ini tidak melibatkan sebarang kos. Musim tersebut adalah pada musim tengkujuh dan musim perayaan. Pada masa yang sama, Kementerian telah menyusun strategi agar jumlah ikan daripada perikanan tangkapan yang didaratkan seimbang dengan pengeluaran ikan yang diternak menjelang tahun 2020. Oleh itu, telah disasarkan sekurang-kurangnya 50% bekalan ikan dalam negara akan datang daripada projek-projek akuakultur di seluruh negara.

Selain itu, Kementerian ini melalui beberapa Pusat Pengembangan Akuakultur, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengambil langkah untuk menghasilkan benih-benih ikan untuk dilepaskan ke perairan sungai umum. Pada tahun 2013, lebih 28 juta ekor benih ikan telah dihasilkan oleh 8 buah Pusat Pengembangan Akuakultur. Daripada jumlah tersebut, lebih 21% atau 6.0 juta ekor benih telah dilepaskan ke perairan umum. Penghasilan dan pelepasan benih ikan ini telah memberi manfaat kepada sosioekonomi nelayan-nelayan sungai dan secara langsung meningkatkan jumlah ikan yang di daratkan di dalam negara.